

**PROGRAM PEMBANGUNAN JATI DIRI REMAJA DELINKUEN DI  
PUSAT PEMULIHAN AKHLAK NEGERI SELANGOR ERA  
PANDEMIK COVID 19**

**Self-Development Programme for Delinquent Adolescents at Selangor  
State Moral Rehabilitation Centre in Covid 19  
Pandemic Situation**

MARIAM ABD MAJID

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[mariam@kuis.edu.my](mailto:mariam@kuis.edu.my)

NOOR HAFIZAH MOHD HARIDI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[noorhafizah@kuis.edu.my](mailto:noorhafizah@kuis.edu.my)

ABUR HAMDI USMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[aburhamdi@kuis.edu.my](mailto:aburhamdi@kuis.edu.my)

NURZATIL ISMAH AZIZAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[nurzatil@kuis.edu.my](mailto:nurzatil@kuis.edu.my)

NORAINI MOHAMAD

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[norainimohamad@kuis.edu.my](mailto:norainimohamad@kuis.edu.my)

ZAINAB ISMAIL

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

[zainab@ukm.edu.my](mailto:zainab@ukm.edu.my)

AISYAH HUMAIRAK ABDUL RAHMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[21mt09001@student.kuis.edu.my](mailto:21mt09001@student.kuis.edu.my)

**Abstrak**

Delinkuen atau penglibatan gejala sosial dalam kalangan remaja merupakan antara isu kritikal dalam Negara pada hari ini. Berdasarkan Statistik Jenayah Malaysia 2019, Negeri Selangor merupakan antara negeri mencatatkan jenayah indeks melebihi paras nasional iaitu 330.8 pada 2018. Indeks ini menjadi indikator bahawa fenomena keterlibatan golongan remaja dalam gejala sosial penting diberi perhatian serius terutama dari aspek pelaksanaan program membangun jati diri mereka. Majoriti program di pusat-pusat pemulihan dilaksanakan secara interaksi fizikal namun penguatkuasaan arahan penjarakan sosial dan perintah kawalan pergerakan ekoran pandemik Covid 19 yang berlaku hari ini memberi kesan terhadap pelaksanaannya. Artikel ini bertujuan mengemukakan hasil kajian berkaitan program-program pembangunan jati diri remaja delinkuen yang dilaksanakan di pusat

pemulihan akhlak remaja Negeri Selangor dalam situasi pandemik Covid 19. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data kajian diperolehi menerusi kaedah temubual separa struktur terhadap terhadap empat orang informan iaitu pegawai akademik, ketua warden, ketua Unit Dakwah dan Tarbiyyah serta pengurus di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Selangor. Kesemua informan kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Transkripsi temubual dianalisis untuk pembentukan tema dan sub tema. Dapatan kajian mendapati program-program pembangunan jati diri remaja yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak Negeri Selangor iaitu meliputi aspek pembangunan akal atau ilmu, pembangunan spiritual atau kerohanian, pembangunan fizikal, pembangunan emosi dan pembangunan kemahiran. Program-program ini dikendalikan dengan dwi kaedah iaitu secara atas talian dan bersemuka sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam situasi penularan serius pandemik Covid 19 ini dengan mengambil kira standard operasi prosedur (SOP) yang telah ditetapkan

Kata kunci: Program Pembangunan Jati Diri, Remaja Delinkuen, Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor, Pandemik Covid 19

### **Abstract**

Delinquency or the involvement of social symptoms among adolescents is one of the critical issues in the country today. Based on the Malaysian Crime Statistics 2019, Selangor is one of the states to record a crime index above the national level of 330.8 in 2018. This index is an indicator that the phenomenon of youth involvement in social symptoms is given serious attention, especially from the implementation of programs to develop their identity. The majority of programs in rehabilitation centre are implemented through physical interaction but the enforcement of social incarceration orders and movement control orders in the wake of the Covid 19 pandemic that took place today affected its implementation. This article aims to present the results of a study related to delinquent juvenile identity development programs implemented at the Selangor juvenile moral rehabilitation centre in the Covid 19 pandemic situation. This study is qualitative with a case study design. The study data was obtained through semi -structured interviews with four informants, namely academic officers, chief warden, head of Dakwah and Tarbiyyah Unit and managers at the Moral Rehabilitation Centre in the State of Selangor. All study informants were selected through a purposive sampling method. Interview transcripts were analyzed for theme and sub -theme formation. The findings of the study found that the youth identity development programs implemented at the Selangor State moral rehabilitation centre cover aspects of intellectual or knowledge development, spiritual development, physical development, emotional development and skills development. These programs are conducted in two ways, namely online and face to face during the enforcement period of the Movement Control Order (PKP) in the situation of serious transmission of the Covid 19 pandemic by taking into account the standard operating procedures (SOP) that have been set.

Keywords: Self Development Program, Delinquent Adolescents, Selangor State Moral Rehabilitation Centre, Covid Pandemic 19

### **1.0 PENDAHULUAN**

Pandemik Covid-19 juga dikenali sebagai pandemik koronavirus 2019–2020 ialah wabak penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global berpunca daripada sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan pada

pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei China dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 (Ab Rahman, A. et al. 2021). Fenomena wabak Covid-19 yang semakin meruncing di dunia dan kesan penularannya turut dialami di Malaysia sehingga menimbulkan pelbagai keresahan dalam kalangan masyarakat dan kewaspadaan di pihak kerajaan.

Penularan wabak Covid-19 ini meletakkan semua negara di dunia berhadapan dengan cabaran kritikal ekoran penularannya memberi impak terhadap nyawa individu dan survival negara. Para pemimpin negara terpaksa menumpukan perhatian serius bagi membendung penularan wabak ini dengan memperkukuhkan pengurusan kesihatan dan menguatkuasakan beberapa peraturan yang mesti dipatuhi oleh rakyat. Negara telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularannya. Impak pelaksanaan PKP ini memberi kesan terhadap individu, rumah tangga bahkan semua lapisan sampai peringkat dunia, tidak memandang suku, agama ataupun strata sosial (Hadarah,H., 2020). Implikasi penguatkuasaan PKP turut menjangkau kepada pelbagai sektor yang lain seperti pendidikan, ekonomi, perkhidmatan serta proses pengajaran dan pembelajaran. Fenomena ini adalah situasi baharu yang tidak pernah berlaku dalam tempoh seabad lalu iaitu apabila norma dan budaya masyarakat mengalami perubahan yang drastik serta perlu diadaptasi dalam tempoh waktu yang singkat (Husaini,Haslinda., 2021).

Walau pun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, kebanyakan operasi dan aktiviti dalam negara perlu tetap mesti diteruskan berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan. Pelaksanaan program pemulihan di pusat-pusat pemulihan ini merupakan antara program yang mesti terus dilaksanakan. Program-program pembelajaran di pusat pemulihan akhlak dikendalikan secara dalam talian (e-pembelajaran) dan ianya menjadi kaedah pembelajaran utama sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan pandemik Covid-19.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Remaja hari ini berhadapan dengan zaman yang sangat mencabar. Kepesatan ekonomi dan kemajuan globalisasi secara tidak langsung memberi kesan kepada sikap dan sahsiah mereka (Trojanowicz, R.C. & Morash,M., 1992). Kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di negara ini semakin menggerunkan (Zakaria,S.Marziah&Zulkifli,N.Afifah, 2017). Masyarakat pada hari ini mengalami keruntuhan akhlak pada tahap yang bahaya kerana dicemari pelbagai bentuk kerosakan akhlak (Desa, N., Puji, T. I. Z. T., & Mohamad, S., 2018). Kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat khususnya dalam kalangan remaja dan pelajar sangat membimbangkan. Pelbagai pihak mula menaruh kebimbangan tentang berbagai gejala sosial yang melanda remaja dan seterusnya meruntuhkan akhlak anak-anak remaja masa kini. Perkembangan gejala-gejala sosial ini didapati semakin meningkat dari hari ke hari (Yahaya, A. et al, 2001). Ini merupakan isu global yang mengundang keresahan dan menggugat kesejahteraan hidup masyarakat. Menurut Ahmad et al (2014), keadaan ini mendatangkan pelbagai masalah dan menjejaskan reputasi sesebuah negara sekiranya gejala sosial ini tidak dibendung dan ditangani dengan kerjasama pelbagai pihak. Keadaan ini memberi indikator bahawa perhatian dan usaha yang serius perlu diberi tumpuan dalam menangani isu berkaitan golongan remaja.

Golongan anak-anak remaja pada hari ini terdedah kepada pengaruhi elemen negatif yang mudah mendominasi pemikiran dan tingkah laku seharian. Keadaan ini menjadi lebih kritikal

disebabkan peringkat umur remaja adalah fasa bagi mereka melakukan eksplorasi terhadap pelbagai alternatif, cenderung mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi dan selalu ingin mencuba perkara-perkara yang baru. Menurut (Hall, G.S., 1904), remaja adalah masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan dan konflik. Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain dikenalpasti menyumbang kepada penglibatan remaja dalam gejala sosial antaranya sebagai mana dapatan kajian Yahaya, A. et al (2001) mendapati antara faktor pelatih dimasukkan ke pusat perlindungan kerana terlibat dengan gejala sosial ekoran melibatkan diri dalam majlis-majlis sosial, pernah mengalami kekecewaan dalam percintaan dan tidak begitu rapat dengan ahli keluarga mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Konflik dalam keluarga juga boleh menjadi faktor penyebab ketidakstabilan emosi yang boleh membawa kepada tingkah laku devian dan delinkuen. Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam mendorong pelajar untuk melepaskan geram dengan melakukan pelbagai tingkah laku devian, dengan tujuan untuk melepaskan rasa tertekan mereka. Fenomena ini berlaku disebabkan pelajar yang terlibat ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, ingin membalas dendam dan sebagainya. Kejahilan dan kelemahan ilmu pengetahuan dalam kalangan remaja turut boleh menyebabkan remaja salah dalam membuat pilihan dalam tindakan. Selain itu, bersahabat dengan sahabat yang baik dan soleh merupakan salah satu kaedah pendidikan yang ditekankan dalam proses pembersihan jiwa manusia (Al-Ghazali, Abu H. M., 1998; Zakaria, S., 2001; Nasir, O.M., 2010).

Kes-kes delinkuen yang berlaku dan merebak dalam masyarakat perlu ditangani dengan segera (Tunggak,B., Ngadi, S. & Abu Naim,H., 2015) . Pada kebiasaannya, remaja yang terlibat dengan masalah sosial dihantar ke institusi pemulihan akhlak bagi menjalani proses pemulihan. Ekoran daripada masalah sosial yang semakin serius, maka wujud institusi dan pusat pemulihan yang dilengkapi dengan pengisian program-program yang bermanfaat. Penubuhan pusat pemulihan bertujuan memulihkan akhlak remaja antaranya Pusat Bimbingan Raudhatul Sakinah (RS) yang ditubuhkan untuk menyediakan satu ruang menasihati dan membimbing gadis-gadis yang bermasalah. Bertitik tolak daripada itu, program intervensi berbentuk pemulihan diwujudkan bagi membantu mereka yang terjebak dengan tingkah laku gejala sosial ini bagi memulihkan fizikal dan spiritual mereka. Kewujudan institusi pemulihan dan pusat koreksional di Malaysia masa kini merupakan platform yang berperanan penting dalam melaksanakan program pemulihan akhlak dengan merangka pelbagai pengisian dan pendekatan. Ianya dilaksanakan dalam dua bentuk pemulihan akhlak iaitu pemulihan di institusi dan pemulihan dalam komuniti (Ibrahim,N., Mansor,N.H. & Md Yusoff,Y., 2020). Adalah didapati ramai dalam kalangan remaja yang terjebak dalam masalah sosial berpunca daripada keluarga yang berpecah pelah, sejarah penderaan seksual daripada ahli keluarga, ketagihan pornografi, dan terlibat dalam aktiviti seksual luar nikah (Zakaria,S.Marziah&Zulkifli,N.Afifah, 2017).

Penubuhan institusi pemulihan dan pusat koreksional merupakan antara inisiatif yang baik oleh pihak bertanggungjawab seperti kerajaan, *Non-Government Organisation* (NGO) dan masyarakat dalam usaha membantu memulihkan golongan remaja bermasalah terutamanya remaja yang terlibat dengan kes-kes juvana dan kes salah laku seksual (Ibrahim,N., Mansor,N.H. & Md Yusoff,Y., 2020). Program pemulihan akhlak yang dijalankan oleh institusi tersebut dapat membantu remaja yang bermasalah untuk memperbaiki sikap negatif mereka seterusnya menghalang mereka daripada terjerumus ke dalam masalah sosial yang lebih serius (Zakaria,S.Marziah&Zulkifli,N.Afifah, 2017; Yahaya,A. , Abdul Rahman, M. A. , Hamdan, A.R. & Boon,Y., 2001).

Agama merupakan sebahagian daripada kebudayaan iaitu satu sistem kepercayaan untuk mengatasi pelbagai masalah dalam kehidupan manusia. Agama berupaya mengurangkan kebimbangan dan ketidakpastian yang dialami manusia serta memenuhi keperluan kognitif yang ada pada manusia. Pada pandangan Islam, agama dapat menyelamatkan manusia, masyarakat, negara dan dunia serta menghubungkan manusia dengan Allah SWT dan menjadi asas pembentukan peribadi yang baik dan berakhlak mulia (Alias, Fadz., 2014).

Psikospiritual Islam mula mendapat tempat sebagai rawatan alternatif pelbagai masalah dan penyakit. Rawatan psikospiritual Islam dapat membantu dalam meningkatkan kepulihan bagi mereka yang berada pada tahap pengawasan akhlak (Azmi, M. Hefzan & Abdul Wahab, M. Nubli, 2019). Psikospiritual mempunyai kaitan secara langsung dengan tasawuf Islam. Pendekatan tasawuf terbukti mampu mengisi kekosongan hati, mendidik jiwa dan menenangkan fikiran (Dara Aisyah, 2013). Hasil kajian mendapati bahawa pembangunan modal insan (PMI) berdasarkan perspektif Islam merangkumi pembangunan dua aspek fizikal dan rohani (akal dan emosi). PMI dari perspektif Islam tidak hanya menumpukan pada aspek material semata-mata tetapi juga menumpukan pada aspek spiritual (Yusof, Ab Aziz & Mutiara Dwi Sari, 2017). Hal ini hakikatnya selari dengan fitrah tuntutan keinsanan yang meliputi keperluan jasmani dan rohani serta dorongan-dorongan manusia untuk memenuhi keperluan jasmani dan rohani tersebut (Najati, M. Utsman, 2007).

Kaedah bimbingan dan kaunseling turut menjadi alternatif lain bagi pemulihan remaja delinkuen. Kaedah bimbingan dan kaunseling ini dilihat sangat penting dalam bantu memulihkan golongan remaja delinkuen. Golongan remaja sangat memerlukan nasihat, bimbingan dan kaunseling daripada insan-insan yang berada di sekitar mereka. Keadaan ini berlaku disebabkan masa remaja dirasai sebagai masa yang penuh dengan kegembiraan, keseronokan mengakibatkan mereka terlupa dan leka dengan keseronokan sehingga melakukan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang dan agama. Segolongan remaja mudah terlanjur mengabaikan segala tuntutan, ajaran dan syariat Islam yang sebenarnya. Fasa remaja memerlukan nasihat, bimbingan, motivasi dan pemantauan gerak geri agar mereka tidak terjerumus kepada perkara yang boleh membinasakan diri mereka sendiri. Keperluan usaha ini dinayatakan dalam firman Allah SWT:

Maksud: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dilah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat petunjuk”.

(Surah al-Nahl, 16:125)

Sesi bimbingan kaunseling merupakan antara program sokongan sosial yang penting ditawarkan bagi golongan remaja yang memerlukan. Menurut Lasimon (2008), sokongan sosial adalah satu keperluan yang penting agar rawatan berkesan. Sokongan sosial terdiri daripada orang yang penting dalam hidup seseorang seperti anggota keluarga dan rakan sebaya. Kekurangan sokongan sosial menyulitkan orang dalam kepulihan untuk membina semula hubungan sosial yang terjejas dan seterusnya boleh melemahkan keyakinan dirinya untuk mencapai kepulihan. Sokongan sosial merupakan informasi yang membawa kepada individu mempercayai bahawa dirinya dihargai, dihormati dan disayangi.

Kajian lepas membuktikan bahawa pusat perlindungan berperanan penting dalam pelaksanaan program pemulihan akhlak melalui pelbagai pendekatan seperti kelas bimbingan agama, dakwah, kelas vokasional serta bimbingan dan kaunseling (Mansor, N.Husna, 2016);

Mohd Haridi, N. Hafizah & Abd. Kadir, F. Adabi, 2015; Mohammad Jodi, K. Hamimah, 2013) Selain itu, program latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam merupakan salah satu usaha oleh (Masri, Sulaiman., 2005) Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR) di Malaysia bagi membantu remaja terlanjur memperoleh kemahiran bagi membolehkan mereka bekerja (Ahmad Esa, Abd Aziz, S.A. & Mohamad, N.H, 2014). Secara umumnya sebahagian besar institusi dan pusat pemulihan melaksanakan program berorientasi pembangunan fizikal dan spiritual dalam bentuk pemulihan berasaskan keagamaan atau kerohanian, pemulihan berasaskan bimbingan dan kaunseling Islam, pemulihan berasaskan pengintegrasian vokasional dan pemulihan berasaskan pembangunan fizikal dan mental (Ibrahim, N., Mansor, N.H. & Md Yusoff, Y., 2020).

Rata-rata institusi pemulihan dan pusat koreksional yang ditubuhkan dikendalikan oleh beberapa pihak seperti kerajaan, bukan kerajaan (NGO) dan persendirian antaranya ialah Raudhatus Sakinah (JIM), Baitul Islah Perkid, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah (ABIM), Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (MAIS), Taman Seri Puteri (JKMM), Asrama Akhlak (JKMM), Rumah Puteri Arafiah (PERKAWANIS), Rumah Perlindungan Baitus Solehah, Rumah Perlindungan Baitul Fiqh, Dar Assaadah (MAIWP), Sekolah Harapan Rumah Harapan (MAIM), Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan lain-lain lagi. Menerusi penubuhan institusi pemulihan dan pusat koreksional ini, program pemulihan yang mengandungi pengisian dan pendekatan yang pelbagai telah dijalankan untuk memberi bimbingan dan panduan bagi membangun serta memulihkan fizikal dan spiritual mereka yang telah terjebak dengan tingkah laku anti sosial. Program pemulihan akhlak bagi pelatih yang menghuni pusat perlindungan yang menyeluruh merujuk kepada perkataan islah iaitu melibatkan proses pemulihan kehidupan manusia secara menyeluruh merangkumi aspek kerohanian, intelek, emosi dan akhlak (Mansor, N.H. & Mohamad Jodi, K.H., 2020).

Berdasarkan kepentingan usaha pembangunan jati diri bagi golongan remaja delinkuen ini, artikel ini bertujuan mengenal pasti program-program yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak remaja serta kaedah pelaksanaannya dalam tempoh pandemik Covid 19 ini.

### 3.0 METODOLOGI

Kajian ini kualitatif dengan reka bentuk kajian kes ini dilaksanakan menggunakan pendekatan semulajadi atau *natural approach* untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Kajian kualitatif bersifat lapangan dilakukan bertujuan menjelaskan fenomena secara mendalam dan lebih mengutamakan kualiti data dibandingkan dengan kuantiti data (Kriyantono, R., 2006). Kajian lapangan adalah strategi penyelidikan yang sesuai untuk meneroka bidang kajian. Tujuan dan strategi di sini untuk mengetahui secara mendalam keadaan sebenar kumpulan atau kejadian tertentu. Kajian lapangan dijalankan dalam keadaan semula jadi dan tertumpu pada konteks situasi tertentu (Masri, Sulaiman., 2005).

Dapatan bagi kajian yang dilaporkan dalam penulisan artikel ini diperolehi menerusi kaedah temubual separa struktur terhadap empat orang informan iaitu seorang pegawai akademik (informan 1) dan seorang ketua warden (informan 2), seorang ketua unit Dakwah dan Tarbiyyah (informan 3) serta pengurus (informan 4) di Pusat Pemulihan Akhlak iaitu sebuah rumah perlindungan yang menempatkan remaja-remaja perempuan yang terlibat dalam salah laku sosial di Negeri Selangor. Kesemua informan kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan seperti jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Pemilihan Infomen Secara Persampelan Bertujuan**

Bilangan	Informan	Kriteria
Informan 1	Pegawai Akademik	Bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak
Informan 2	Ketua Warden	Bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak
Informan 3	Ketua Dakwah Tarbiyyah	Unit & Bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak
Informan 4	Pengurus	Pusat Pemulihan Akhlak

Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria keperluan kajian. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkrip temu bual yang dirintiskan sebelum temu bual sebenar diambil kira. Pengkaji memilih dua orang responden yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar untuk ditemu bual bagi melihat kesesuaian soalan. Berdasarkan kajian rintis terdapat dua soalan dipermudahkan dan diperbaiki. Soalan yang diperbaiki digunakan dalam kajian sebenar. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkripsi temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan tema dan sub tema. Tema dan sub tema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan Cohen Kappa. Seramai tiga orang pakar dilantik untuk membuat semakan tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema. Jadual 2 di bawah merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan sub tema.

**Jadual 2: Pakar dan Kepakaran Bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa**

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Psikologi	0.89
2	Pakar B	Komunikasi	0.91
3	Pakar C	Remaja	0.93
Keseluruhan (Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa)			0.91

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.91 dan berdasarkan kepada Jadual 3 di bawah, nilai  $k = 0.91$  berada pada skala sangat tinggi.

**Jadual 3: Skala persetujuan Cohen Kappa**

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
< 0.30	Rendah

Sumber: (Zakaria,S.Marziah&Zulkifli,N.Afifah, 2017)Jasmi, K. A. (2012)

#### **4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Arahan menggunakan garis panduan norma baru dalam sistem pendidikan negara memberi kesan secara keseluruhan kepada program-program di pusat pemulihan akhlak. Dapatan kajian membincangkan berkaitan program-program di pusat pemulihan akhlak dan cara pelaksanaannya dalam pandemik Covid 19 ini

4.1 Terdapat beberapa program yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak antaranya kelas-kelas pengajian, kaunseling, psikospiritual, program umum, sukan dan sosial dan pemantauan pemulihan.

##### **4.1.1 Program Kelas Pengajian**

Pelatih di pusat pemulihan akhlak ini dibimbing menerusi penganjuran kelas-kelas pengajian. Terdapat tiga bentuk kelas pengajian yang dilaksanakan iaitu kelas agama, kelas kemahiran dan kelas akademik.

Pelatih dapat mempelajari ilmu fardhu ain, pengajian al-Quran dan hafazan. Menurut informan 1, “Kelas agama yang dianjurkan ialah pengajian fardhu ain, al-Quran dan hafazan”

Menurut informan 1 ini, hafazan al-Quran menjadi salah satu subjek yang diikuti oleh para peserta di pusat pemulihan akhlak ini. Keberkesanan pendekatan hafazan al Quran sebagai salah satu kaedah bagi memulihkan akhlak selari dengan kajian Abu Mutalib et al (2020) bahawa hafazan al Quran sebagai alternatif bagi memulihkan dan menangani kemerosotan akhlak remaja di Malaysia dengan lebih berkesan berasas acuan perspektif al-Quran dan al-Sunah yang sebenar.

Selain pelaksanaan kelas pengajian, program kuliah Maghrib dan Subuh turut dikendalikan. Menurut informan 2, “Program yang dilaksanakan antaranya kuliah Maghrib & Subuh”.

Kelas pengajian dan program kuliah yang dilaksanakan meninggalkan impak positif kepada para peserta di pusat pemulihan akhlak ini. Kajian Zakaria et al (2017) yang mengemukakan pengakuan informan kajian bahawa subjek yang dipelajari di pusat pemulihan memberi pengalaman positif terutamanya pengalaman-pengalaman spiritual iaitu belajar solat dan puasa, membaca Al-Quran dengan betul dan mengenal Allah SWT.



Selain kelas pengajian agama, para pelatih di pusat pemulihan turut dibekalkan dengan ilmu kemahiran berkaitan jahitan dan kraf tangan. Menurut informan 1, “para pelatih juga diajar kemahiran jahitan dan kraf tangan”.

Pusat pemulihan akhlak juga menyediakan kelas-kelas pengajian akademik bagi para pelatih yang ingin mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Menurut informan 1, “Para pelajar disediakan kelas akademik sebagai persediaan mengambil SPM, kelas English dan Matematik.”

Pelaksanaan program kelas pengajian agama, kemahiran dan kelas akademik ini adalah antara usaha menyuburkan pembangunan aspek intelektual pelatih bagi memandu mereka mendepani kehidupan yang mencabar.

#### **4.1.2 Program Kaunseling**

Pusat pemulihan turut menyediakan perkhidmatan kaunseling untuk para pelatih. Sesi kaunseling dilaksanakan secara kelompok dan secara individu. Menurut informan 1, “Program kaunseling dilaksanakan secara kelompok dan individu”. Pendekatan kaunseling yang dilaksanakan kepada para pelatih di pusat pemulihan ini adalah berteraskan pendekatan bimbingan dan kaunseling Islam. Menurut informan 2, “Pendekatan kaunseling yang dilaksanakan adalah berasaskan bimbingan dan kaunseling Islam”.

Sesi bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan di pusat pemulihan ini menjadi salah satu medium untuk memberikan sokongan sosial kepada para pelatih yang berhadapan dengan kemurungan, konflik dalaman serta kebuntuan fikiran. Kajian (Mat Isa, F., Ismail, R & Hassan, N., 2018) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial rapat dengan kemurungan. Dalam proses sosialisasi, sokongan sosial memainkan peranan sebagai aset kepada psikososial untuk perkembangan yang sihat dalam kalangan remaja. Sokongan sosial dapat membantu seseorang individu untuk berdaya tindak dengan kehidupan yang menekan dan pelbagai cabaran dalam kehidupan harian.

#### **4.1.3 Program Psikospiritual**

Proses pemulihan di pusat pemulihan akhlak ini sangat memberi penekanan terhadap pembangunan psikospiritual para pelatih. Pendekatan psikospiritual dilaksanakan dengan menitikberatkan aspek pengamalan amal ibadah yang wajib dan sunat. Menurut informan 1, “bagi mengukuhkan kekuatan spiritual pelatih, pihak pengurusan pusat pemulihan menjadikan amalan puasa pada hari Isnin & Khamis sebagai amalan rutin kepada para pelatih”. Ini diakui oleh informan 2 bahawa pelaksanaan ibadah diaplikasi secara amali, “Pelaksanaan secara Amali”. Informan 2 menerangkan bentuk program-program spiritual yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak, “Program yang dilaksanakan antaranya seperti pelaksanaan kelas kerohanian dan keagamaan seperti amali solat, praktikal solat, hafazan, bacaan doa, usrah, *liqa'*, *qiamulail*, halaqah zikrullah, kuliah Maghrib & kuliah Subuh”.

Pelaksanaan program-program psikospiritual seperti ini turut dilaksanakan di beberapa pusat pemulihan remaja. Kajian Zakaria et al (2017) mendapati program pengukuhan dan penghayatan ibadah di kebanyakan institusi pemulihan akhlak dilaksanakan melalui praktikal solat-solat fardu dan sunat secara berjemaah, puasa, bacaan *al-ma'thūrat* dan doa-doa harian, amalan zikir dan selawat, tazkirah zuhur, kuliah subuh dan maghrib, *liqā'* asar, *qiamullail*, slot muhasabah diri, program halaqah, usrah, praktikal mandi wajib, tayamum dan pengurusan jenazah.

Menurut Saparufin et al (2018), elemen psikospiritual bagi menangani delinkuen remaja atau '*spiritual guidance*' menekankan nilai ketuhanan, amal ibadat dan akhlak. Penemuan ini turut disokong oleh kajian Noor Hafizah (2019) yang mengemukakan antara kaedah pemulihan ialah melalui spiritual (kerohanian) yang menekankan akidah, ibadah, syariah dan akhlak untuk memulihkan jati diri seseorang remaja yang terlibat dengan salah laku delinkuen. Rawatan ini dilakukan dengan mengingati bahawa manusia sebagai hamba yang hanya mengabdikan diri kepada Tuhan yang menciptakan serta perlu banyak muhasabah dan bertaubat dengan kesilapan yang telah dilakukan.

Amalan-amalan psikospiritual yang dilaksanakan berupaya menimbulkan dorongan melakukan kebaikan terhadap pelatih (Azizan,N. Ismah & Mohd Yusoff, Z., 2018). Penemuan yang sama didapati daripada kajian (Syed Bidin, Sharifah N.S., 2020) bahawa majoriti responden kajian mengakui menerima kesan daripada pendekatan kerohanian daripada aktiviti yang disediakan oleh institusi seperti solat berjemaah, kelas agama, halaqah, ceramah agama dan bacaan buku agama. Keberkesanan pendekatan pemulihan menerusi pendekatan psikospiritual Islam ini berupaya meningkatkan kadar kepulihan sebagaimana dapatan hasil kajian Azmi et al (2019)..

#### **4.1.4 Program Umum**

Pusat pemulihan akhlak ini turut menganjurkan program-program umum seperti program Keibubapaan, program Jati Diri, Program Mentor Mentee, program Tahunan Kemerdekaan, Maulidur Rasul dan seumpamanya. Sambutan hari kebesaran Islam turut dijadikan sebagai program umum yang dilaksanakan seperti program sambutan Awal Muharam, Nuzul al Quran, majlis sambutan Maal Hijrah, majlis sambutan Maulidur Rasul, majlis sambutan Isra' dan Mikraj, marhaban, majlis khatam al-Quran, majlis tadarus al-Quran pada bulan Ramadan, pertandingan Tilawah al-Quran, nasyid dan sebagainya. Program-program seumpama ini turut dilaksanakan dengan aktif di institusi-institusi pemulihan akhlak lain antaranya di Darul Wardah, Kompleks Dar Assaadah dan Taman Seri Puteri (Mansor,N.H. & Mohamad Jodi,K.H., 2020).

Pengisian tersebut kebiasaannya diadakan sempena pada hari-hari tertentu dan disampaikan dalam bentuk ceramah, forum dan tazkirah. Pengisian yang disampaikan secara tidak langsung berupaya menyalurkan ilmu pengetahuan kepada para pelatih tentang Islam sekali gus mengeratkan hubungan persaudaraan antara mereka.

#### **4.1.5 Program Kemahiran dan Pertandingan**

Program-program berbentuk kemahiran turut tidak ketinggalan dilaksanakan bagi para pelatih di pusat pemulihan ini. Menurut informan 2, "Pemulihan akhlak berasaskan pengintegrasian latihan vokasional dan pendidikan seperti kelas jahitan dan kelas kraftangan adalah program-program kemahiran yang dikendalikan di pusat ini..". Menurut informan 3, "Ada kelas memasak dan Kelas Bakery diwujudkan..".

Pertandingan dalam program-program kemahiran dianjurkan di pusat pemulihan ini bagi menambahkan rasa seronok dan meningkatkan motivasi kepada para pelatih. Menurut informan 3, "pertandingan memasak dilaksanakan mengikut kumpulan". Kajian Ahmad et al (2014) mendapati para pelatih mengakui bahawa program pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam dilaksanakan dengan baik dan secara tidak langsung ianya memberikan kesan yang sangat positif dalam diri para pelatih yang menjalani latihan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR).

#### 4.1.6 Program Riadah dan Sosial

Program riadah atau sukan antara aktiviti turut dilaksanakan secara fizikal di pusat pemulihan akhlak remaja. Pelaksanaan riadah dan sukan ini merupakan aktiviti sosial yang disukai oleh para pelatih. Menurut informan 1, “Bagi mengelakkan pelatih rasa bosan aktiviti fizikal turut dilaksanakan iaitu riadah, pertandingan sukan dan *indoor games*”. Kajian Yahya et al (2001) turut mendapati bahawa aktiviti kebudayaan dan sosial yang dijalankan di pusat pemulihan dapat memenuhi keperluan responden. Responden yang menzahirkan rasa sungguh seronok bila menyertai acara sukan yang dikelolakan oleh pusat ini adalah mewakili peratusan yang tertinggi dengan sebanyak 69.2% bersetuju dengan pernyataan itu, 14.2% tidak pasti dan 16.7% tidak bersetuju dengan min yang tinggi iaitu 3.73.

Selain itu penganjuran program gotong royong turut dilaksanakan. Ini dikemukakan oleh informan 1 bahawa, “aktiviti lain yang turut diadakan ialah gotong royong harian”. Pelaksanaan program-program ini merupakan antara bentuk program sosial masyarakat. Sokongan sosial adalah interaksi sosial yang wujud dalam pelbagai cara sama ada psikologi dan sumber yang nampak atau kedua-duanya yang disediakan oleh jaringan sosial (Mat Isa, F., Ismail, R & Hassan, N., 2018).

#### 4.1.7 Program Pemantauan Pemulihan

Pusat pemulihan akhlak dilaksanakan bagi melaksanakan program pemantauan terhadap program-program pemulihan akhlak yang dilaksanakan. Program pemantauan ini disebut dengan program “morning meeting”. Menurut informan 1, “bagi memantau perkembangan pemulihan pelatih, slot “morning meeting” dilaksanakan bertujuan melaporkan kesalahan dan peringatan pelatih pada hari tertentu”

Kajian-kajian lepas telah dilakukan berkaitan keberkesanan proses pemulihan. Kajian (Mansor,N.H. & Mohamad Jodi,K.H., 2020) mendapati proses pemulihan di dua buah institusi pemulihan akhlak remaja yang menjadi lokasi kajian memberikan pelbagai pengalaman positif kepada pelatih ke arah menjadi manusia yang lebih baik dalam konteks pembangunan kerohanian, emosi, intelek dan akhlak. Program pemulihan akhlak yang disepadu dengan ilmu agama sangat penting. Kesepaduan ilmu agama yang dimaksudkan itu ialah penggabungan ilmu fardhu ain dan ilmu pembentukan akhlak. Kesepaduan ini perlu diterapkan melalui sistem pendidikan berkesan sama ada di peringkat sekolah atau universiti. Menurut (Abu Bakar, S., Azizan, N.I., Ismail,N. & Dimon,Z., 2017) al-Quran menyarankan pendekatan terbaik dan holistik untuk diterapkan dalam pemulihan remaja delinkuen. Saranan al-Quran berkaitan program pemulihan holistik menerusi kaedah al-Quran bagi menangani masalah sosial adalah melalui pendekatan akidah dan kerohanian, ilmu, ibadah, jihad dan disiplin, bi’ah solehah, qudwah hasanah, psikologi, doa, sentuhan syariat serta zikir dan wirid. Kaedah al-Quran berupaya menangani masalah sosial menerusi penggabungan rawatan berteraskan biologi, sosial, psikologi dan agama wajar dijadikan pilihan (Dara Aisyah, 2013).

Dapatan kajian (Zakaria,S.Marziah&Zulkifli,N.Afifah, 2017) menunjukkan bahawa peserta pusat pemulihan telah mengalami transformasi spiritual sebagai kesan daripada latihan dan bimbingan yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak. Walau bagaimanapun, sebahagian peserta melahirkan rasa kebimbangan tidak dapat beristiqamah dalam membuat kebaikan dan tetap dengan prinsip mereka setelah keluar dari pusat pemulihan. Usaha menghasilkan kaedah berkesan bagi pemulihan remaja delinkuen ini memerlukan sokongan seluruh masyarakat termasuk ibu bapa, sekolah, pihak kerajaan dan institusi sosial. Ini kerana, dalam membentuk dan membangun serta memulihkan remaja delinkuen ini hanya akan berkesan sekiranya semua pihak memainkan peranan penting kerana bukan mudah untuk mengembalikan jati diri

seseorang individu, remaja dan pelajar pelajar yang bermasalah ini seandainya hanya satu pihak sahaja yang memainkan peranan (Mat Isa, F., Ismail. R & Hassan, N., 2018; Tunggak,B., Hashim,S., Mohamad,N. Afzan & Ali, M., 2015). Dapatan kajian mendapati pelbagai program pembangunan jati remaja dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak remaja ini meliputi aspek pembangunan akal atau ilmu, pembangunan spiritual atau kerohanian, pembangunan fizikal, pembangunan emosi dan pembangunan kemahiran. Sokongan berterusan dan bimbingan dari semua pihak penting dan masih diperlukan untuk membantu para pelatih yang telah tamat menjalani tempoh pemulihan mereka menghadapi cabaran-cabaran dan tekanan daripada persekitaran yang negatif.

#### **4.2 Pelaksanaan Program Semasa Pandemik Covid 19**

Pandemik wabak COVID-19 yang melanda hampir keseluruhan Negara memberi implikasi yang besar kepada masyarakat di seluruh dunia secara umumnya dan Malaysia secara khususnya (Ab Rahman,A.,Syed Shamsuddin,S.S. ,Nozlan,N.N.,Abd. Shakor,M.F. & Sukari,A., 2021). Fenomena ini menyebabkan kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan dengan menetapkan standard operasi prosedur (SOP) yang mesti dipatuhi oleh setiap orang. Ini bertujuan mengawal dan mengekang pandemik ini daripada terus berleluasa tanpa kawalan. Keadaan ini turut memberi kesan terhadap pelaksanaan program-program di pusat pemulihan akhlak ini.

Program-program di pusat pemulihan ini terbahagi kepada dua iaitu program-program yang melibatkan penglibatan pengisian jemputan dari luar dan pengendalian program yang dikendalikan oleh kakitangan dalaman iaitu staf pusat pemulihan sendiri. Ekoran penguatkuasaan standard operasi prosedur ekoran keadaan kes Covid 19 yang berlaku dalam Negara amnya serta negeri Selangor khususnya. Ini dijelaskan oleh informan 3 iaitu “mengikuti SOP yang telah ditetapkan oleh MKN..”. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa pusat pemulihan akhlak tiada kompromi dalam mengikuti penguatkuasaan kaedah pelaksanaan program selaras standard operasi prosedur yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Semua program-program fizikal di pusat pemulihan akhlak ini hanya dibenar melibatkan kakitangan dalaman sahaja. Menurut informan 1, “Kesemua program fizikal bersifat dalaman sahaja iaitu melibatkan kakitangan dan pelatih di Rumah Puteri Arafiah. Ini bermakna program-program di luar dihentikan sepanjang dalam tempoh kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan oleh MKN. Menurut informan 1 lagi, “tiada aktiviti di luar dan jemputan dari luar”. Ini bermakna pusat pemulihan akhlak tidak dibenarkan mengendalikan program-program di luar pusat pemulihan ini dan tidak dibolehkan juga mengundang penceramah dari luar sepanjang tempoh PKP ini.

Informan 2 menjelaskan, “Program tidak dapat dilaksanakan antaranya ialah program yang melibatkan program luar seperti program dakwah, lawatan sambil belajar, program khidmat masyarakat, ceramah, forum dan tazkirah jemputan dari luar”. Namun aktiviti program kelas pengajian yang melibatkan penceramah luar boleh dilaksanakan secara online. Menurut informan 4, “program dijalankan secara tertutup dalam kawasan sama ada secara atas talian atau fizikal menerusi “*Google meet* atau *Zoom meeting*”.

Timbul beberapa cabaran dalam pelaksanaan program-program di pusat pemulihan akhlak semasa penguatkuasaan PKP. Menurut informan 1, “Pelatih merasakan 'tepu' berada di sini dengan tidak melibatkan diri mereka dari sebarang aktiviti luar. Pelatih juga tidak diberi pengisian dari tenaga luar”. Para pelatih menunjukkan rasa tepu apabila mereka hanya

mengikuti program dalaman di pusat pemulihan sahaja. Tambahan lagi pengisian program turut hanya melibatkan kakitangan dalaman yang sememangnya kerap ditemui oleh peserta. Dapatan turut mendapati bahawa keadaan yang sama turut dirasai oleh kakitangan yang mengendalikan program-program pelatih dipusat. Menurut informan 2, “Staf terutama warden-warden membimbing juga *stuck* dan ketandusan idea jika program luar tidak dapat buat”.

Hasil kajian (Mansor,N.H., Mohammad Jodi,K.H., Abdullah,R. & Abdul Kadir, F.A., 2017) mendapati bahawa pusat pemulihan akhlak memanfaatkan tempoh perlindungan pelatih dengan mewujudkan beberapa platform penting bagi tujuan pemulihan akhlak iaitu dengan penganjuran kelas pemantapan ilmu agama dan kemahiran, pelaksanaan aktiviti berbentuk kerohanian dan ketahanan fizikal serta penguatkuasaan peraturan. Kesemua platform yang digunakan ini selari dengan konsep penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) yang disarankan oleh Islam iaitu bertujuan untuk memperbaiki akhlak manusia ke arah yang lebih baik.

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa usaha-usaha pelaksanaan program-program di pusat pemulihan akhlak remaja dalam tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini tetap diteruskan menerusi pelbagai platform *online* dan sebahagian kecil program-program yang dilaksanakan di pusat pemulihan ini masih kekal dilaksanakan secara fizikal. Cara pelaksanaan program-program yang dianjurkan di pusat-pusat pemulihan ekoran situasi penularan serius pandemik Covid 19 ini mengambil kira dan mematuhi standard operasi prosedur (SOP) yang telah ditetapkan.

## 5.0 PENUTUP

Program pemulihan akhlak dilaksana secara seimbang meliputi pembangunan fizikal dan spiritual. Antara program fizikal yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak ialah bimbingan kaunseling, program umum, kemahiran, sukan dan sosial manakala program spiritual yang dilakukan ialah kelas-kelas pengajian dan pengamalan ibadah. Namun, ekoran penularan pandemik Covid-19 yang berlaku pada hari ini memberi implikasi terhadap tentang cara pengendalian program-program yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan akhlak. Secara keseluruhannya, pelaksanaan program ini dilihat berupaya memantapkan jati diri remaja delinkuen dalam mendepani kehidupan masa hadapan. Namun pelbagai pihak dan institusi perlu berganding bahu dalam menghulurkan sokongan dan kerjasama untuk memastikan matlamat program pemulihan golongan remaja ini dapat dicapai.

## 6.0 PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grantt Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk ‘Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam’.

## RUJUKAN

Ab Rahman,A.,Syed Shamsuddin,S.S. ,Nozlan,N.N.,Abd. Shakor,M.F. & Sukari,A. (2021). Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, Vol 5*, 127-138.

- Abu Bakar, S., Azizan, N.I., Ismail,N. & Dimon,Z. (2017). Kaedah Al-Quran Dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian di Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Jurnal Pengajian Islam, Bil 10, Isu 1*, 57-77.
- Abu Mutalib, M.G.F. & Anas, N. (2020). Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Thafiz Di Malaysia: Tinjauan Awal. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 21(1)*, 134-140.
- Ahmad Esa, Abd Aziz,S.A. & Mohamad, N.H. (2014). "Pengintegrasian Latihan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam dalam Kalangan Remaja Terlanjur di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja" in ATIKAN. *Jurnal Kajian Pendidikan, Vol. 4 (1)*, pp. 47-60.
- Al-Ghazali, Abu H. M. (1998). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Alias, Fadz. (30 Januari, 2014). *Islam Sebagai Ad-Din (Chapter 1)*. Retrieved from slideshare.net
- Azizan,N. Ismah & Mohd Yusoff, Z. (2018). Pembentukan Jati Diri Remaja Melalui Pembelajaran Persekitaran Sosial: Analisis Menurut Perspektif Al-Quran. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, Vol.5, No.2*.
- Azmi,M. Hefzan & Abdul Wahab, M. Nubli . (2019). Pembangunan Model Rawatan Psikospiritual Untuk Meningkatkan Ciri Kepulihan Orang Kena Pengawasan: Satu Tinjauan Literatur. *International Journal of Humanities Technology and Civilization, Issue 5, Vol 1*, 74-88.
- Dara Aisyah . (2013). Drug Addict Treatment and Rehabilitation Programme at Pondok Inabah Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. *British Journal Social Sciences, Vol 1. No.5*, 37-46.
- Desa, N., Puji, T. I. Z. T., & Mohamad, S. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and As-Sunnah, 3(1)*, 55-63.
- Hadarah,H. (2020). Pandemi Covid-19 Agen Perubahan Pendidikan Akhlak. *Sustainable: Jurnal Kajian Mutu Pendidikan, Vol 3, No. 2*, 116-123.
- Hall, G.S. (1904). *Adolescence. (2 vols)*. New York : Appleton.
- Husaini,Haslinda. (31 Julai , 2021). "Pembelajaran Dalam Talian: Pengalaman Semasa Covid-19". Retrieved from Sekitar Perpustakaan, Bil 51. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia:  
<https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/SekitarBil51.pdf>.
- Ibrahim,N., Mansor,N.H. & Md Yusoff,Y. (2020). Bentuk-Bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur. *Jurnal Usuluddin 48 (2)*.
- Jasmi, K. A. . (2012). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif, Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*. Kampus Temenggung Ibrahim Melaka : Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Kriyantono, R. (2006). *Teknik Praktis Riset Komunikasi* . Jakarta : Kencana Prenada Media Group.
- Mansor, N.Husna. (2016). *Modul Keagamaan Untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah*. University of Malaya.
- Mansor,N.H. & Mohamad Jodi,K.H. (2020). Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS), Vol 7, Bil 2*, p 219-234.
- Mansor,N.H., Mohammad Jodi,K.H., Abdullah,R. & Abdul Kadir, F.A. (2017). Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar As-Saadah. *Jurnal Hadhari, 9 (2)*, 261-274.
- Masri, Sulaiman. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.

- Mat Isa, F., Ismail. R & Hassan, N. (2018). Peranan Sokongan Sosial terhadap Kemurungan dalam kalangan Remaja Penagih Dadah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 109-118.
- Matokrem, Lasimon. (2008). Intervensi dan Peranan Kaunselor untuk Kepulihan Klien Sepanjang Hayat. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2(2), 97-118.
- Mohammad Jodi,K.Hamimah. (2013). *Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pelaksanaan Modul Pembangunan Wanita Yang Bermasalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Universiti Malaya.
- Mohd Haridi,N.H., Mohd Saleh, N. & Mohammad Jodi, K.H. (2019). Penerapan Elemen Kerohanian terhadap Remaja Berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal Research in Islamic Studies, Vol.6 (Special Issue)*, 87-98.
- Mohd Haridi,N.Hafizah & Abd. Kadir,F.Adabi. (2015). Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 87-100.
- Najati, M. Utsman. (2007). *Psikologi Qurani: Psikologi Dalam Perspektif Al-Quran (Al-Quran wa Ilm Nafs)*. Surakarta: Aulia Press.
- Nasir, O.M. (2010). *Falsafah Akhlak Bangi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Sahlawati Abu Bakar , Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail & Zanariah Dimon. (2017). Kaedah Al-Quran Dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian di Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Jurnal Pengajian Islam, Bilangan 10, Isu 1*, 57-77.
- Saparudin,Intan F. & Che Soh,Siti N. (2018). Elemen Psiko-Spiritual Dalam Menangani Delinkuen Remaja. *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)*. Johor Bahru, Johor: Universiti Tun Hussein On, Malaysia.
- Syed Bidin, Sharifah N.S. (2020). The Effective of Spiritual Approach in Rehabilitation for Moral Problems Among Adolescents. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.
- Trojanowicz, R.C. & Morash,M. (1992). *Juvenile Delinquency Concepts and Control*. London: Prentice Hall International.
- Tunggak,B., Hashim,S., Mohamad,N. Afzan & Ali, M. (2015). Faktor Risiko Belia Terlibat Dalam Penyalahgunaan Dadah dan Cadangan Penyelesaiannya Belia Muslim Terpimpin. *Jurnal Antidadah Malaysia, Jilid 9, No.1*.
- Tunggak,B., Ngadi, S. & Abu Naim,H. (2015). Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari* 7 (2), 11-30.
- Yahaya,A. , Abdul Rahman, M. A. , Hamdan, A.R. & Boon,Y. (2001). Program Pemulihan Akhlak Wanita: Sejauhmanakah Keberkesanan Pusat Perlindungan Wanita Membantu Proses Pemulihan? *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi* . Universiti Malaya.
- Yusof, Ab Aziz & Mutiara Dwi Sari. (2017). "Pembangunan Modal Insan Daripada Perspektif Islam: Impak Kepada Pengurus". *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 2 (1), 40-52.
- Zakaria, S. (2001). *Akidah & Akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zakaria,S.Marziah&Zulkifli,N.Afifah. (2017). Pengalaman Remaja di Rumah Perlindungan dan Perubahan Dalam Makna Hidup. *eBangi Journal of Sciences and Humanities - Special Issue* 3.